



KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

LEMBAGA PENILAIAN KOMPETENSI KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

Pusat Peperiksaan LPKKKP

d/a Bahagian Peperiksaan dan Persijilan

National Institute of Occupational Safety and Health (NIOSH)

Lot 1, Jalan 15/1, Seksyen 15, 43650 Bandar Baru Bangi, Selangor D.E

Tel : 03-89113800 | Emel : wecare[at]niosh.com.my

No. Rujukan : NIOSH/06/100-6-9 (57)

Tarikh : 17 November 2025

NOTIS MAKLUMAN KEPADA CALON PEPERIKSAAN OHD DAN PENYEDIA LATIHAN BERDAFTAR (PLB) OHD

Tuan/ Puan,

MAKLUMAN PENGGUNAAN SOALAN & FORMAT BAHARU PEPERIKSAAN DOKTOR KESIHATAN PEKERJAAN (OHD)

Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Dimaklumkan pihak Jawatankuasa Kompetensi Doktor Kesihatan Pekerjaan (OHD) dibawah Lembaga Penilaian Kompetensi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (LPKKKP) telah bersetuju agar soalan baharu peperiksaan OHD berdasarkan akta dan perundangan terkini dengan merujuk modul baharu OHD yang diluluskan oleh pihak Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (JKKP) kepada Penyedia Latihan Berdaftar (PLB) dan format peperiksaan OHD baharu seperti yang telah diluluskan oleh LPKKKP akan digunakan bermula sesi peperiksaan Mac 2026.

3. Berikut format peperiksaan OHD baharu :

KERTAS	BAHAGIAN	FORMAT	JUMLAH SOALAN	MASA
1	A	Soalan Aneka Pilihan	60	1 jam 30 minit
	B	Soalan Struktur	3	2 jam
		Soalan Esei	1	
2*	A	Laporan Tugas Tempat Kerja (WPA)	-	-

4. Rujukan situasi calon:

- Calon peperiksaan yang masih berstatus Belum Lengkap (masih dalam tempoh 2 tahun untuk melengkapkan peperiksaan dari tarikh peperiksaan pertama) perlulah melengkapkan peperiksaan pada 04 Disember 2025 & 29 Januari 2026 sehingga lulus.

- b) Sekiranya calon masih berstatus Belum Lengkap sehingga sesi peperiksaan 04 Disember 2025 & 29 Januari 2026 tamat dan masih sah dalam tempoh dua (2) tahun yang ditetapkan, calon perlu mengulang peperiksaan menggunakan format peperiksaan OHD dan soalan baharu bermula sesi peperiksaan Mac 2026.

5. Calon dikehendaki menghadiri sesi taklimat Syarat dan Format Peperiksaan OHD baharu sebelum menduduki peperiksaan OHD bermula Mac 2026.

6. Syarat dan Format Peperiksaan OHD baharu boleh dimuat turun menerusi laman sesawang NIOSH. Sila layari laman sesawang NIOSH bagi membuat pendaftaran peperiksaan sebelum tarikh tutup permohonan.

7. Sebarang pertanyaan lanjut, pihak tuan/ puan boleh menghubungi Pusat Peperiksaan LPKKKP (d/a Bahagian Peperiksaan dan Persijilan, NIOSH) di talian 03-89113800/ mesej Whatsapp 019-6668599 atau e-mel wecare@niosh.com.my.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

"Pekerja Kesuma Bangsa

Saya yang menjalankan amanah,



BAHRUDIN BIN MAMAT

Pengerusi

Lembaga Penilaian Kompetensi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (LPKKKP)